

Headline	Kampus dalam taman		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	825,000	Readership	2,475,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	7	ArticleSize	416 cm ²
AdValue	RM 16,070	PR Value	RM 48,210



Kampus dalam taman

■ Keunikan UUM jadi tarikan pelajar Washington State University, Amerika Syarikat

Oleh Nordiana Shafiee
dan Mohd Amir Aizat Sainon
am@hmetro.com.my
Sintok

Suasana menghijau kampus Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini, dengan hiasan pelbagai jenis pokok menjadi tarikan pelajar Washington State University (WSU), Amerika Syarikat untuk mengadakan lawatan sambil belajar selama lima hari di universiti terbabit, baru-baru ini.

Pelajar tahun ketiga jurusan Komunikasi Nick Carey, 23, berkata, pengalaman pertama kali menjejakkan kaki ke UUM membuatkan dia kagum kerana melihat kampus yang dikelilingi persekitaran hijau berbeza jika dibandingkan keadaan WSU yang terletak dalam kawasan bandar.

Menurutnya, persamaan antara kampus WSU dan UUM adalah kedua-duanya sangat luas dan cantik, tetapi pengalaman berada di dalam kampus umpama dalam taman dengan dikelilingi flora fauna adalah sesuatu yang menakjubkan.

“Secara tidak langsung ia menarik minat saya untuk melanjutkan pengajian di

kampus ini dan menjadi pelajar Amerika Syarikat pertama belajar di UUM. Malah, saya juga berkesempatan mengelilingi kampus ini dan melihat budaya mahasiswanya belajar yang tidak mempunyai banyak perbezaan dengan kami.

“Selain itu, peluang menyertai lawatan ini secara tidak langsung dimanfaatkan dengan mempelajari selok-belok perniagaan penduduk tempatan serta melawat beberapa tempat tarikan pelancong di Kedah,” katanya ketika ditemui di sini.

Lawatan pelajar WSU itu adalah pertama kali diterima UUM menerusi hasil kolaborasi antara Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni College of Arts and Science UUM (PPA CAS UUM), i-COMTOUR Training and Consultancy dan Uniutama Education and Consultancy (UECSB UUM).

Pensyarah CAS Prof Madya Dr Hisham Dzakiria yang juga Pengerusi i-COMTOUR berkata, kehadiran pelajar asing berkenaan adalah lawatan pertama diadakan oleh universiti dari Amerika ke UUM membabitkan

seorang pensyarah dan tujuh pelajar daripada jurusan Komunikasi dan Pelancongan.

Menurutnya, ia bertujuan untuk membolehkan mereka melihat lebih dekat kampus UUM, selain mempelajari cara urus niaga yang dijalankan penduduk tempatan di sini.

Katanya, sepanjang lawatan itu, delegasi WSU dibawa melawat sekitar kampus termasuk tempat tarikan pelancong di Bandaraya Alor Setar seperti Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohammad.

“Selain itu, mereka turut menimba pengalaman perniagaan menerusi Model Perniagaan Homestay di Homestay Jeruju di Jerlun dan berkunjung ke Pulau Langkawi.

“Saya berharap kerjasama antara kedua-dua universiti ini dapat diteruskan pada masa akan datang untuk mengukuhkan jalinan sedia ada, malah difahamkan pihak WSU berhasrat untuk mengadakan memorandum persefaman (MoU) dengan UUM bagi program pertukaran pelajar antara kedua-dua universiti,” katanya.

Headline	Kampus dalam taman		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	825,000	Readership	2,475,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	7	ArticleSize	416 cm ²
AdValue	RM 16,070	PR Value	RM 48,210



DR Hisham

Headline	Kampus dalam taman		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	825,000	Readership	2,475,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	7	ArticleSize	416 cm ²
AdValue	RM 16,070	PR Value	RM 48,210



PELAJAR WSU mendengar penerangan daripada Dr Hisham (tiga dari kanan) ketika mekawat U-Assist UUM.